

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

KKM dapat bayaran balik 104 ventilator gagal berfungsi

PAC puas hati, syor wang diguna sedia peralatan di seluruh hospital kerajaan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mendapatkan bayaran balik bagi ventilator tidak berfungsi bernilai lebih RM16 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Mas Ermieyati Samsudin, yang berpuas hati dengan pencapaian itu berkata, bayaran balik itu bernilai RM16,785,910.96 bagi 104 unit ventilator.

Beliau berkata, tindakan itu selaras syor ketiga Laporan PAC DR.11/2023, iaitu KKM perlu segera menyemak status waranti bagi 136 unit peralatan ventilator dan memastikan tindakan sewajarnya diambil ke atas pihak bertanggungjawab.

Justeru, katanya, PAC mencadangkan supaya wang berkenaan diguna dan ditambah oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan ketersediaan peralatan ventilator di seluruh hospital kerajaan.

"PAC juga dimaklumkan susulan syor jawatankuasa ini, KKM mengambil pelbagai tindakan bagi memastikan lebih stok 'boot cover' dan 'protective jumpsuit' atau 'coverall' dapat digunakan sepenuhnya.

"Sehubungan itu, PAC mahu KKM memastikan stok 'boot cover' dan 'protective jumpsuit' atau 'coverall' pada kadar optimal bagi persediaan berlaku wabak mahupun pandemik," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, PAC mendedahkan pembelian 104 unit ventilator yang gagal berfungsi dibuat sewaktu Datuk Seri Dr Adham Baba berkhidmat sebagai Menteri Kesihatan.

Dr Adham dilantik menerajui KKM di bawah Kabinet Perdana Menteri kelapan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada 2020. Pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri kesembilan menyaksikan Dr Adham bertukar portfolio dengan Khairy Jamaluddin yang ketika itu menerajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Isu virus wabak COVID-19
Sementara itu, Mas Ermieyati berkata, Laporan PAC Parlimen Terhadap Tindakan Susulan KKM bagi Syor Laporan PAC berhubung Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan Dan Lebihan Personal Protective Equipment (PPE) (DR.11/2023), dibentangkan semalam.

Dalam setiap tindakan susulan terhadap syor laporan PAC, jawatankuasa ini turut memberi ulasan kepada tindakan susulan berkenaan

Mas Ermieyati Samsudin,
Pengerusi PAC



Laporan itu, katanya, bertujuan memaklumkan tindakan susulan diambil KKM terhadap syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC berkaitan Pengurusan Wabak COVID-19, iaitu DR.11/2023 yang dibentangkan di Parlimen pada 30 Oktober lalu.

"Dalam setiap tindakan susulan terhadap syor laporan PAC, jawatankuasa ini turut memberi ulasan kepada tindakan susulan berkenaan.

"PAC mengadakan prosiding tindakan susulan KKM pada 7 Mac lalu, dan saksi yang hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) MoF, Ramzi Mansor; Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, Datuk Seri Norazman Ayob dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Norhayati Rusli," katanya..

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Selepas empat minggu menghilangkan diri, penuntut Institut Latihan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), Nor Diana Mohd Najib, akhirnya ditemukan dengan selamat.

Wanita berusia 21 tahun itu dikesan tinggal di Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor bersama seorang wanita yang dikatakan kakak angkatnya sebelum dijemput polis dan ahli keluarga jam 3.50 pagi semalam.

Ibunya, Maznah Ismail, 44, berkata, mereka mengesan kedudukan Nor Diana menerusi laporan polis yang dibuat anaknya itu yang nafikan dirinya hilang dan alamat yang tertera dikedudukan.

"Dengan bantuan polis, kami menjemput kakak (Nor Diana) di sebuah rumah di taman perumahan itu dan bersama seorang

SUSULAN PENUNTUT ILKKM HILANG

Rupanya tinggal dengan kakak angkat di Johor

wanita yang dikatakan kakak angkatnya sedangkan wanita itu sebelum ini memberitahu anak saya sudah melarikan diri daripadanya kerana kisah kehilangannya tular.

"Kami membawa Nor Diana pulang ke rumah anak saudara di sini (Johor) terlebih dahulu sebelum bertolak pulang ke Kelantan petang nanti," katanya ke-

tika dihubungi, semalam.

Media minggu lalu memaparkan kisah Nor Diana yang sepatutnya pulang ke rumahnya di Perumahan KTMB Tumpat di sini, pada 29 Februari lalu ketika cuti pertengahan semester namun tidak berbuat demikian malah sehingga kini remaja itu gagal dikesan keluarga.

Maznah berkata, penun-

tut tahun pertama Diploma Kejururawatan ILKKM Alor Setar, Kedah itu kelihatan murung dan menjadi pendiam, malah sangat berlainan dengan sifat asalnya yang ceria.

Dia berkata, sejak dijemput awal pagi hari ini sehingga sekarang, Nor Diana tetap mendiamkan diri dan hanya menjawab sepatah sahaja jika ditanya.

"Dia memberitahu keluarga tak memahaminya malah ingin berhenti belajar dan bekerja menyebabkan kami pelik kerana selama ini tidak pernah mengadu sebarang masalah malah kerjaya sebagai jururawat juga menjadi pilihannya sendiri tanpa ada paksaan," katanya.

Maznah berkata, sebaik-

tiba di rumahnya nanti di Perumahan KTMB Tumpat, mereka sekeluarga akan merujuk ustaz atau ahli perubatan Islam sebagai ikhtiar bagi memulihkan Nor Diana.

Menurutnya, walau dalam hati mereka lega kerana Nor Diana ditemui tapi dalam masa yang sama tetap risau akan perubahan tingkah laku anak kedua daripada empat beradik itu.

"Mungkin memakan masa untuk kakak kembali kepada sifat asal, kami reda asalkan dia sudah selamat dalam pangkuan kami, terima kasih atas kerjasama semua.

"Hampir sebulan kami sekeluarga tidak lena tidur mengenangkan nasibnya



NOR Diana

yang entah bagaimana, Alhamdulillah, penemuan kakak ini kami anggap hadiah menjelang Syawal," katanya.

"Sebaik tiba di rumah nanti di Perumahan KTMB Tumpat, mereka sekeluarga akan merujuk ustaz atau ahli perubatan Islam sebagai ikhtiar memulihkan Nor Diana. Walau pun lega dia ditemui tapi risau perubahan tingkah laku anak kedua daripada empat beradik itu."

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Sesiapa sahaja terdedah, boleh dijangkiti tibi

PUTRAJAYA - Sesiapa sahaja yang terdedah kepada kuman *Mycobacterium Tuberculosis* yang tersebar melalui udara, berisiko dijangkiti penyakit *Tuberculosis* (tibi).

Bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penyakit tibi merupakan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis kuman *Mycobacterium Tuberculosis*. "Tuberkulosis disebabkan oleh bakteria yang paling kerap menjejaskan fungsi paru-paru dan merebak melalui udara," katanya.

Menurut Dr Noor Hisham, penyakit tibi boleh dirawat dan sembuh, namun pengabaian aspek rawatan akan menyebabkan kematian.

"Setiap hari, hampir 4500 orang di dunia kehilangan nyawa mereka akibat tibi dan hampir 30,000 orang jatuh sakit," ujar beliau.

Dr Noor Hisham berkata demikian mengulas mengenai peningkatan dua peratus kes kematian akibat tibi tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memaklumkan sebanyak 2,623 kematian akibat tibi direkodkan

tahun lepas.

Sebanyak 26,781 kes penyakit berkenaan dilaporkan pada tahun lepas dengan peningkatan sebanyak 1,390 atau 5.47 peratus berbanding 25,391 kes, sepanjang tempoh sama tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, orang ramai dinasihat agar sentiasa memantau tahap kesihatan dan segera mendapatkan rawatan jika perlu.

"Jika anda batuk berpanjangan selama dua minggu atau lebih, dapatkan pemeriksaan di klinik atau hospital," ujar beliau.



Laporan Sinar Harian
pada Isnin.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Pemuda 22 tahun korban strok haba

Kes itu berlaku
di Maran, Pahang
pada 2 Februari lalu

KUALA LUMPUR

Satu kes kematian akibat strok haba dilaporkan berlaku setakat ini membabitkan seorang lelaki berusia 22 tahun, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, kes kematian itu berlaku di Maran, Pahang pada 2 Februari lepas.

"Kita bersyukur belum berada di tahap ketiga iaitu gelombang haba ekstrem, namun ini boleh berlaku bila-bila masa jika kita lihat bahawa perubahan iklim dan berlakunya penipisan lapisan ozon menyebabkan negara kita tidak terlepas

daripada cuaca panas ekstrem. Mudah-mudahan kita berusaha dengan cara baik termasuk pembenihan awan dilakukan Agensi Pengurusan Bencana Negara dan Angkatan Tentera Malaysia di beberapa kawasan tertentu," katanya ketika mengulung perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Negara pada Isnin.

Menjawab celahan Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahaya mengenai kos pembenihan awan, Ahmad Zahid berkata, setiap operasi berkenaan menelan belanja kurang RM100,000 dan ia bergantung keadaan awan dan tiupan angin yang sesuai.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, biarpun berlaku peningkatan penggunaan elektrik disebabkan cuaca panas ketika ini, caj penggunaan elektrik masih dikenakan berdasarkan jumlah penggunaan bulanan dan bukannya nilai rumah.

Beliau berkata, ketika ini kos bahan api



AHMAD ZAHID

di peringkat global masih pada paras tinggi dan ini menyebabkan peningkatan kos penjanaan elektrik dilepaskan kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung di bawah mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT).

"Sungguhpun demikian, kerajaan memperuntukkan subsidi elektrik RM1.064 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 kepada semua pengguna domestik iaitu kira-kira

8.1 juta pengguna yang menggunakan elektrik 1500 kWj dan ke bawah setiap bulan agar mereka tidak dikenakan sebarang surcaj bagi tempoh itu," katanya.

Sebelum ini dalam sesi perbahasan Senator Datuk Mohd Hisamudin Yahaya mencadangkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberikan rebat 15 hingga 20 peratus daripada keseluruhan bil elektrik dari Januari ke Mac ini susulan fenomena cuaca panas yang dialami negara. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

PAC puas hati KKM dapat bayaran balik RM16.8 juta ventilator tidak berfungsi

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berpuas hati dengan tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berjaya mendapatkan bayaran balik ventilator yang tidak berfungsi.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermeyati Samsudin berkata, bayaran balik itu berjumlah RM16,785,910.95 bagi 104 unit ventilator.

Beliau menjelaskan, tindakan itu selaras dengan syor ketiga Laporan PAC DR 11/2023 iaitu KKM perlu segera menyemak status waranti bagi semua 136 unit peralatan ventilator selain

memastikan tindakan sewajarnya diambil kepada pihak bertanggungjawab.

Oleh yang demikian ujamya, PAC mencadangkan wang berkenaan diguna dan ditambah oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan ketersediaan peralatan ventilator di seluruh hospital kerajaan.

"PAC juga dimaklumkan susulan syor, KKM telah mengambil pelbagai tindakan bagi memastikan lebih stok penutup boot dan *protective jumpsuit* dapat digunakan se-



MAS ERMIEYATI

penuhnya.

"Sehubungan itu, KKM perlu memastikan stok pada kadar optimal bagi perediaan berlaku wabak atau pandemik," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Sebelum ini Dewan Rakyat pada November tahun lalu dimaklumkan, KKM akan memastikan setiap proses perolehan, termasuk ketika darurat atau kecemasan, dilakukan dengan lebih cekap dan mengikut prosedur.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Lebih ramai letak jawatan daripada kemasukan baharu

Sektor kesihatan dalam krisis?

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Sektor kesihatan negara bakal berhadapan krisis dalam beberapa tahun akan datang ekoran peletakan jawatan pegawai perubatan yang meningkat saban tahun.

Beberapa isu dalam sistem perkhidmatan awam antaranya gaji tidak progresif, beban tugas tinggi dan tekanan di tempat kerja, selain tawaran yang lebih baik daripada syarikat swasta dan luar negara mendorong kepada masalah ini.

Statistik menunjukkan doktor kontrak yang meletak jawatan

sejak 2017 sehingga tahun lepas secara keseluruhan menunjukkan peningkatan dengan 110 orang pada 2017; 168 (2018); 475 (2019); 511 (2020); 768 (2021); 1,354 (2022) dan 924 (2023).

Jurucakap Gerakan Hartal Doktor Kontrak mendakwa, peletakan jawatan berterusan menyaksikan jumlah doktor pada

peringkat pegawai perubatan (MO) semakin berkurangan.

Katanya, kadar peratusan keluar dari perkhidmatan semakin tinggi setiap tahun berbanding kadar kemasukan pegawai perubatan pelatih.

"Lantikan sesi 1 2024 menyaksikan cuma berapa orang doktor pelatih masuk ke dalam sistem

latihan klinikal (*housemanship*), manakala yang lain memilih untuk berhijrah atau tukar karier.

"Dengan bilangan doktor yang keluar sangat melebihi daripada yang masuk ke dalam sistem, bayangkan apa akan jadi beberapa tahun lagi?

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI



KERAJAAN perlu mengatasi isu dalam sistem perkhidmatan awam ini jika tidak mahu negara kekurangan pegawai perubatan dalam jangka masa panjang.

Sektor kesihatan dalam krisis?

Dari muka 1

"Mungkin kita akan kembali ke 20 tahun dahulu di mana Pembantu Pegawai Perubatan atau dresser terpaksa mengambil alih tugas-tugas doktor di klinik kesihatan.

"Justeru, kerajaan perlu mengatasi isu dalam sistem perkhidmatan awam ini jika tidak mahu negara kekurangan pegawai perubatan dalam jangka masa panjang," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai sejumlah 3,046 doktor kontrak meletak jawatan dalam tempoh tiga tahun lalu.

Dalam jawapan bertulis di Dewan Negara, Kementerian Kesihatan melaporkan, antara alasan diberikan oleh doktor kontrak ketika meninggalkan perkhidmatan awam adalah mendapat tawaran lebih baik di sektor swasta dan universiti awam, masalah peribadi dan isu kesihatan.

Akhbar ini tahun lalu pernah melaporkan lebih 200 doktor gagal melapor diri atau me-

nolak jawatan kontrak untuk berkhidmat di Sarawak.

Antara alasan adalah ditempatkan di lokasi jauh dari keluarga, bekerja terlalu banyak dalam persekitaran yang kekurangan kakitangan dengan gaji rendah, sukar mengambil cuti untuk pulang melihat keluarga di Semenanjung.

Malah keputusan meletak jawatan kerana tidak ramai dalam kalangan muda sanggup mengorbankan kualiti hidup mereka kerja lebih banyak apatah lagi dengan bayaran tuntutan kerja lebih masa yang rendah.

Mengulas lanjut, jurucakap Gerakan Hartal Doktor Kontrak berkata, kerjaya masa depan di dalam sistem kesihatan merupakan perkara terbesar yang menjadi kebimbangan doktor kontrak.

Katanya, meskipun kini kerajaan baru mula membuka penempatan tetap, tetapi langkah itu dilihat terlewat kerana sudah ramai yang berhijrah atau bertukar kerjaya disebabkan tiada jaminan.

"Sekiranya kekal sistem

kontrak, mereka cuma ada masa berkhidmat sehingga tujuh tahun sahaja. Bayangkan, para doktor yang sejak awal memasuki kerjaya ini dengan harapan ingin dapat jaminan karier yang stabil, akhirnya harapan musnah.

"Namun kami menyambut baik langkah kerajaan yang mula menyerap para doktor kontrak ke tetap, tetapi juga perlu diberikan perhatian agar mereka yang telah keluar, juga diberikan peluang sama atau peluang kedua untuk kembali bersama dengan Kementerian Kesihatan.

"Ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi sistem perkhidmatan Kementerian Kesihatan kerana kebanyakan doktor yang keluar dari perkhidmatan, memiliki kemahiran tinggi dalam latihan dan bidang masing-masing," katanya.

Sementara itu, Gerakan Hartal Doktor Kontrak mencadangkan, kerajaan menyemak semula skim penggajian yang telah lapuk dan perlu seiring dengan perkembangan kos sara hidup yang semakin tinggi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes strok haba meningkat

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan peningkatan yang ketara dalam kes strok haba di seluruh Malaysia sejak awal tahun ini hingga 15 Mac lepas.

Sebanyak 23 kes direkodkan, sekali gus menunjukkan peningkatan daripada 13 kes yang dicatatkan sejak 1 Mac disebabkan keadaan cuaca panas yang melampau.

Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, terdapat beberapa gejala dialami oleh pesakit strok haba yang menyebabkan keadaan mereka menjadi lebih teruk.

"Gejala strok haba boleh berlaku jika seseorang itu terdedah dalam tempoh masa yang lama kepada cuaca panas secara berterusan dan keadaan itu mudah berlaku terhadap kanak-kanak atau warga emas yang umumnya sukar mengawal suhu badan mereka sendiri.

"Antara tandanya adalah pening, kelesuan, badan dan kulit terasa panas, kencing kurang (anak kecil menggunakan lampin pakai buang) dan kesukaran untuk menumpukan perhatian.

"Jika dibiarkan tanpa intervensi, maka ia boleh menyebabkan *heat stroke* (tiada peluh akibat dehidrasi, kulit kering, sawan, tidak sedarkan diri, tiada rasa kencing) dan berakhir dengan kematian. Mereka perlu diberi air, mandi dengan air sejuk dan tanggalkan pakaian untuk pengaliran udara serta darah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini semalam.

Daripada jumlah kes dilaporkan, KKM memaklumkan hanya satu kes di Langkawi melibatkan pesakit dirujuk ke unit rawatan rapi (ICU).

Terdapat satu kes strok haba yang dimasukkan ke ICU sehingga memerlukan bantuan pernafasan tetapi pesakit itu dapat diselamatkan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

MOH praised for getting refunds on ventilators

KUALA LUMPUR: The Public Accounts Committee (PAC) says it is pleased that the Health Ministry has managed to obtain a refund of about RM16.8mil for 104 non-functional ventilator units it had purchased earlier.

PAC chairman Datuk Mas Ermeyati Samsudin said the ministry's action aligns with the recommendations made by the PAC in the *Covid-19 Pandemic: Expired Vaccines, Non-Functional Ventilator Equipment and Excess of Personal Protective Equipment* report presented in Parliament on Oct 30 last year.

"The action by the ministry is consistent with the third recommendation of the report, which suggested that the ministry promptly review the warranty status of all 136 ventilator units and take appropriate action against those responsible," she said in a statement, Bernama reported.

"The ministry proposes that the funds obtained be utilised and augmented by the Finance Ministry to ensure the availability of ventilator equipment in all government hospitals," added Mas Ermeyati.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Man, 22, dies of heatstroke in Pahang

KUALA LUMPUR: The recent heatwave has claimed the life of a 22-year-old man, says Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He said the victim from Maran, Pahang, died of a heatstroke on Feb 2.

"We are thankful that we have not yet reached the third level of extreme heatwaves, but given that climate change and ozone layer depletion have made our country vulnerable to extreme heat, this could happen at any time.

"Hopefully we will be able to deal with it, including carrying out cloud seeding by the National Disaster Management Agency and the Malaysian Armed Forces in some areas," he said when wrapping up the debate on the Motion of Thanks for the Royal Address at the Dewan Negara yesterday.

Ahmad Zahid, who is also the Rural and Regional Development Minister, was responding to Senator Datuk Mohd Hisamuddin Yahaya's interjection regarding the cost of cloud seeding.